

PENGUNAAN TEKNOLOGI KECERDASAN BUATAN DALAM PENGADILAN KES DI MAHKAMAH: ANALISIS MENURUT PERSPEKTIF SYARIAH

[ARTIFICIAL INTELLIGENCE IN COURT CASE ADJUDICATION: AN ANALYSIS FROM AN ISLAMIC LEGAL PERSPECTIVE]

Nur Aina Fatini Abdul Fattah¹, Muhammad Taftazany Abd Rahman²,
Shahidra Abdul Khalil³

¹Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, fatinifattah01@gmail.com

^{2,3}Universiti Malaya, taftazany0473@gmail.com, shahidra@um.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.51200/kitab.v2i1.6795>

ABSTRAK

Kecerdasan Buatan atau *Artificial Intelligence* (AI) merupakan antara teknologi yang berkembang pesat di era Revolusi Industri Keempat. Penggunaannya semakin meluas berikutan kemampuan teknologi ini untuk melakukan tugas-tugas yang kompleks menyerupai pemikiran manusia. Bahkan melalui penggunaan AI, kerja-kerja yang rumit dapat dilakukan dalam tempoh yang lebih singkat berbanding kemampuan manusia. Oleh kerana itu, teknologi AI dilihat berpotensi menggantikan peranan manusia dalam pelbagai aspek kehidupan manusia tidak terkecuali dalam bidang perundangan. Columbia dan China merupakan antara negara yang telah menggunakan teknologi AI dalam pengadilan di mahkamah. Dalam konteks perundangan di Malaysia, Sabah dilaporkan sebagai negeri pertama yang menggunakannya. Walaupun teknologi AI mempunyai pelbagai kelebihan, namun ia masih mempunyai kekurangan terutamanya dalam aspek etika dan moral yang merupakan dua ciri manusia yang sukar digabungkan ke dalam AI. Ironinya, kedua-dua ciri ini merupakan antara aspek terpenting dalam sebuah sistem pengadilan. Justeru, kertas ini bertujuan menganalisis tahap kewajaran penggunaan AI dalam pengadilan sesebuah kes di mahkamah. Sebagai kayu ukur perbincangan, garis panduan bagi aplikasi teknologi AI dan peranan badan kehakiman menurut perspektif Syariah turut dibincangkan. Kajian ini dijalankan secara kualitatif dengan pengumpulan data melalui kajian kepustakaan dan analisis data secara tematik. Hasil kajian mendapati bahawa hukum penggunaan teknologi AI menurut syariat secara umumnya adalah harus. Namun, ia perlu mematuhi garis panduan yang ditetapkan oleh syariat agar penggunaannya memberikan masalah dan tidak mendatangkan mafsadah. Dalam konteks pengadilan sesebuah kes, kajian menyimpulkan bahawa teknologi AI boleh digunakan untuk membantu hakim dalam membuat keputusan. Namun, ia tidak boleh menggantikan hakim kerana setiap kes adalah unik dan memerlukan pertimbangan tersendiri. Walaupun penggunaan AI memudahkan pemakaian prinsip *stare decisis*, ini tidak menafikan peranan hakim dalam mentafsirkan undang-undang dan memberikan keputusan kes berbeza sesuai dengan fakta kes yang diadili.

Kata kunci: Kecerdasan buatan, *artificial intelligence*, pengadilan kes, mahkamah Syariah.

ABSTRACT

Artificial Intelligence (AI) is among the rapidly advancing technologies of the Fourth Industrial Revolution. Its use has become increasingly widespread due to its ability to perform complex tasks resembling human cognition. Through AI, intricate work can be carried out in a shorter time compared to human capability. Consequently, AI technology is perceived to have the potential to replace human roles in various aspects of life, including the legal field. Countries such as Colombia and China are among those that have applied AI technology in court adjudication. In the Malaysian legal context, Sabah

has been reported as the first state to adopt it. Despite its numerous advantages, AI still faces shortcomings, particularly in the ethical and moral dimensions—two uniquely human qualities that are difficult to embed in AI. Ironically, these two aspects are fundamental to any judicial system. Hence, this paper aims to analyze the extent to which the use of AI in court case adjudication is justified. As a framework for discussion, the guidelines for AI application and the role of the judiciary from the Shariah perspective are also examined. This study employs a qualitative approach by collecting data through library research and conducting thematic data analysis. The findings reveal that, in general, the use of AI technology is permissible (harus) according to Shariah. However, it must comply with Shariah guidelines to ensure that its application brings about benefits (maslahah) and avoids harm (mafsadah). In the context of court adjudication, the study concludes that AI may serve as an aid to judges in decision-making. Nevertheless, it cannot replace judges, as each case is unique and requires independent consideration. While the use of AI facilitates the application of the principle of stare decisis, it does not negate the role of judges in interpreting the law and delivering varied rulings in accordance with the facts of each case.

Keywords: Artificial Intelligence, case adjudication, court, Shariah

PENDAHULUAN

Istilah Kecerdasan Buatan atau *Artificial Intelligence* (AI) pertama kali diperkenalkan secara rasmi pada tahun 1956 (Mohammad Tahir Sabit et al., 2020) oleh John McCarthy dan Marvin Minsky (Kaplan, 2021) yang terinspirasi dengan penulisan Isaac Asimov (Haenlein & Kaplan, 2019) di persidangan Dartmouth Summer Research Project on Artificial Intelligence (DSRPAI) di Amerika Syarikat (Kaplan, 2021). Teknologi dalam bidang pengkomputeran (Aliff Nawi et al., 2021) ini kemudiannya semakin berkembang dan menjadi antara elemen utama dalam Revolusi Industri Keempat.

Kini penggunaan teknologi AI berkembang luas berikutan kemampuannya dalam melakukan tugas-tugas yang kompleks menyerupai pemikiran manusia. Bahkan melalui penggunaan AI, kerja-kerja yang rumit dapat dilakukan dalam tempoh yang lebih singkat berbanding kemampuan manusia. Oleh kerana itu, teknologi AI dilihat berpotensi menggantikan peranan manusia dalam pelbagai aspek kehidupan manusia tidak terkecuali dalam bidang perundangan. Columbia dan China merupakan antara negara yang telah menggunakan teknologi AI dalam pengadilan di mahkamah. Dalam konteks perundangan di Malaysia, Sabah dilaporkan sebagai negeri pertama yang menggunakannya.

Menurut Sourdin (2018), penggunaan teknologi AI dalam bidang perundangan merangkumi beberapa fungsi iaitu sebagai teknologi sokongan (*supportive technology*), teknologi pengganti (*replacement technology*) dan teknologi pengganggu (*disruptive technology*). Contoh bagi teknologi sokongan adalah seperti kemudahan atas talian yang membantu orang awam untuk mendapatkan maklumat tentang proses penghakiman, pilihan-pilihan yang ada dan alternatif-alternatif yang boleh dilaksanakan (Sourdin, 2018) seperti nasihat guaman yang dikendalikan oleh manusia sekiranya pihak tersebut mempunyai kekeliruan berkaitan undang-undang atau ingin memfailkan saman terhadap defendan. Seterusnya dalam tahap kedua, penggunaan teknologi AI mampu menggantikan prosedur mahkamah yang secara asasnya dijalankan secara bersemuka kepada prosiding secara dalam talian (Sourdin, 2018). Tahap ini semakin giat dilaksanakan ketika wabak COVID yang tular di seluruh negara sehingga menyebabkan mahkamah terpaksa ditutup dan menyebabkan penangguhan kes-kes yang berpanjangan.

Dalam tahap ketiga yang dirujuk sebagai teknologi pengganggu, penggunaan teknologi AI boleh digunakan oleh hakim (Nowotko, 2021) dalam membuat keputusan. Teknologi pengganggu ini secara dasarnya dapat membantu orang awam bahkan

badan kehakiman sendiri dalam memberikan nasihat undang-undang secara atas talian (Sourdin, 2018). Dalam konteks badan kehakiman, peranan teknologi AI ini perlu dibincangkan dengan lebih mendalam. Adakah penggunaannya boleh menggantikan hakim dalam memberikan pengadilan kes? Ini kerana teknologi ini sentiasa dipertingkatkan dan kemampuannya pada masa hadapan dibayangkan dapat melebihi kelebihan manusia. Justeru, terdapat aspirasi untuk membangunkan sistem AI berasaskan pembelajaran mesin (*machine based learning*) yang tidak memerlukan campur tangan manusia dalam membuat satu keputusan. Melalui sistem ini keputusan mampu diformulasi atas kapasiti AI tersendiri secara autonomi (Lim & Gong, 2020).

Walaupun teknologi AI mempunyai pelbagai kelebihan, ia masih mempunyai kekurangan terutamanya dalam aspek etika dan moral yang merupakan dua ciri manusia yang sukar digabungkan ke dalam AI. Ironinya, kedua-dua ciri ini merupakan antara aspek terpenting dalam sebuah sistem pengadilan. Oleh hal yang demikian, artikel ini penting untuk membincangkan tahap kewajaran penggunaan teknologi AI dalam pengadilan kes di mahkamah menurut kerangka perspektif Syariah. Perbincangan dimulakan dengan garis panduan aplikasi AI menurut perspektif Islam. Seterusnya, peranan badan kehakiman dan prinsip-prinsip asas dalam pengadilan kes dibincangkan. Kedua-dua aspek ini menjadi landasan bagi penilaian tentang kapasiti AI dalam pengadilan sesebuah kes dan limitasinya.

KECERDASAN BUATAN: KONSEP DAN GARIS PANDUAN PENGAPLIKASIAN DALAM KONTEKS PERUNDANGAN MENURUT PERSPEKTIF SYARIAT

Kecerdasan Buatan atau *Artificial Intelligence* (AI) merupakan teknologi yang telah berkembang pesat di era Revolusi Industri Keempat. Menurut Francesco Bianchini (2021), "*artificial*" ditakrifkan secara komprehensif iaitu merangkumi konsep buatan yang bukan sahaja dibina oleh manusia berpandukan model semula jadi, tetapi juga melalui penggabungan sistem dan proses semula jadi malahan pelaksanaannya tidak bergantung pada campur tangan manusia. Bagi tujuan penulisan kertas ini, model semula jadi tersebut dapat dirujuk kepada manusia sendiri iaitu peranan hakim dalam mengadili sesebuah kes.

Manakala bagi perkataan "kecerdasan" atau "*intelligence*", Sternberg (2012) menyatakan bahawa kecerdasan terdiri daripada empat asas iaitu kreatif, analitik, praktikal dan kebijaksanaan. Walaupun teori ini disasarkan untuk menjelaskan kecerdasan manusia, teori ini juga dapat diguna pakai secara umum untuk menjelaskan ciri-ciri "*intelligence*" atau "kecerdasan" itu sendiri.

Hakikatnya, tiada satu takrifan yang khusus dan tepat bagi menerangkan konsep AI ini (Kaplan, 2021) bahkan terdapat pelbagai takrifan yang dapat dinukilkan dan disimpulkan daripada pelbagai sumber serta pendapat. Kepelbagaian takrifan AI ini juga dapat dikategorikan kepada empat jenis takrifan iaitu AI yang berfikir secara manusiawi, AI yang berfikir secara rasional, AI yang bertindak secara manusiawi dan AI yang bertindak secara rasional (Russel & Norvig, 2010).

Jadual 1 Pelbagai takrifan kecerdasan buatan dan kategorinya

Penulis	Takrifan Kecerdasan Buatan	Kategori Takrifan
Muhammad Dahria	Salah satu bagian dari ilmu komputer yang mempelajari bagaimana membuat mesin (komputer) dapat melakukan pekerjaan seperti dan sebaik yang dilakukan oleh manusia bahkan bisa lebih baik daripada yang dilakukan manusia (Dahria, 2008).	• Bertindak secara manusiawi.
Jahanzaib Shabbir dan Tarique Anwer	Keupayaan untuk meniru kecerdasan manusia, menjalankan pelbagai tugas yang memerlukan pemikiran dan pembelajaran, menyelesaikan masalah, dan membuat pelbagai keputusan (Shabbir & Anwer, 2015).	• Berfikir secara manusiawi. • Bertindak secara manusiawi
Michael Haelein dan Andreas Kaplan	Satu sistem yang mampu untuk menafsirkan data luaran dengan benar, mempelajari daripada data tersebut dan menggunakan pembelajaran tersebut untuk mencapai tujuan-tujuan dan tugas-tugas tertentu melalui pengadaptasian yang fleksibel (Haelein & Kaplan, 2019).	• Berfikir secara rasional. • Bertindak secara rasional.

Berdasarkan huraian dua perkataan utama di atas, teknologi AI dapat ditakrifkan sebagai satu teknologi sains buatan yang mempunyai kemampuan untuk berfikir, belajar dan menjalankan tugas-tugas yang telah diprogramkan oleh manusia sama ada secara sempurna atau tidak berpandukan manusia sebagai model semula jadi. Selain itu, melalui empat kategori takrifan AI yang digariskan, AI juga dapat disimpulkan sebagai satu teknologi yang mempunyai kemampuan untuk berfikir dan bertindak dengan rasional seperti manusia.

Teknologi AI in merupakan cerminan kepada nilai-nilai intelektual yang semakin memuncak dalam peradaban manusia khususnya untuk mengautomasikan peranan manusia dengan lebih mudah dan pantas (Azizah et al., 2021). Secara asasnya, penggunaan teknologi AI merupakan salah satu pencapaian sains yang amat bermanfaat kepada manusia sejagat. Justeru, hukumnya adalah harus menurut perspektif Syariah selagi mana ia tidak berselisihan dengan perintah atau larangan syariat. Hal ini kerana, syariat Islam merupakan tatacara kehidupan yang merentasi zaman dan holistik terutamanya dalam berinteraksi dengan kemajuan teknologi semasa. Keharusan perkembangan teknologi ini disandarkan kepada prinsip *al-Istishab* yang menyatakan bahawa asal hukum bagi sesuatu perkara adalah harus sehingga terdapat dalil yang mengharamkannya (Abd al-Karim Zaidan, 1987).

Namun, hukum keharusan ini mampu berubah dengan kesan-kesan yang mendatang setelah teknologi AI ini diaplikasikan. Kebaikan teknologi ini dapat dilihat terhadap dinamika kapasiti akal yang melalui proses berbentuk graf kuadratik bermula dengan ketiadaan ilmu di awal kelahiran, kemudian menjadi intelek di usia kehidupan dan kembali kehilangan ilmu di penghujung usia. Kelompongan akal manusia ini dibantu dengan kemampuan AI menyimpan *Big Data* yang boleh mendedahkan corak tersembunyi, kolerasi yang tidak diketahui dan maklumat lain yang berguna untuk mentafsir maklumat serta membuat keputusan yang lebih baik (Suzita, 2020).

Selain itu, dalam keadaan tiada dalil yang mengharamkan penggunaan teknologi AI secara khusus, penetapan hukum penggunaannya dibuat dengan melihat hakikat teknologi ini sama ada mendatangkan masalah atau mafsadah kepada

manusia yang mampu mengubah hukum tersebut ke mana-mana hukum menerusi spektrum hukum taklifi. Hal ini kerana, hukum-hukum yang diturunkan oleh Allah SWT melalui syariat Islam secara semula jadi meraihan masalah dan menolak mafsadah ke atas hamba serta mempunyai 'illah, hikmah dan rahsia sesuatu pensyariatannya yang tersendiri. Maka, dalam menetapkan sesuatu hukum yang berlandaskan garis panduan syariat, penelitian secara menyeluruh perlu dilakukan agar pemilihan 'illah hukum tersebut bertepatan dengan kehendak syarak. Perkara ini bertepatan dengan kaedah:

الحكم على الشيء فرع عن تصوره

Terjemahan: "Hukum atas suatu perkara terbina atas pandangan keseluruhan perkara tersebut"

الحكم يدور مع علته وجودا وعدما

Terjemahan: "Sesuatu hukum berlegar bersama-sama 'illahnya ketika kewujudannya dan ketiadaannya"

Sekiranya meninjau dari konteks penggunaan teknologi AI dalam aspek perundangan, terdapat banyak manfaat atau masalah yang telah terbukti dapat memberikan kemudahan kepada manusia. Namun, setiap penggunaan yang mempunyai kebaikan dan keburukan ini perlu diletakkan garis panduan yang menepati piawaian syariat supaya tidak membawa kemudaratan kepada manusia dan menyalahi perintah syarak. Antara kebaikan yang dapat diketengahkan adalah meraihan nilai keadilan dalam keputusan hukuman oleh mahkamah. Teknologi AI telah mendapat tempat yang tinggi khususnya dalam bidang penyelidikan yang membantu para hakim dalam mendapatkan data yang sahih dan tepat. Kecekapan teknologi ini telah membantu para hakim menganalisis data dan menjimatkan masa serta tenaga yang akan membawa kepada penilaian hukuman yang lebih efisien. Tambahan pula, data telah menunjukkan bahawa inisiatif penggunaan teknologi ini dapat membantu mengurangkan jurang hukuman dan memastikan kesamarataan serta konsistensi dalam hukuman yang diberikan kepada yang tertuduh sekaligus memberikan hak keadilan sejagat (Hafizah, 2020). Selaras dengan kehendak syariat, Islam amat menitikberatkan entiti keadilan dalam membuat sebarang pertimbangan khususnya ketika melibatkan hak-hak manusia. Firman Allah SWT:

Terjemahan: "Wahai Daud, sesungguhnya Kami menjadikan kamu khalifah (penguasa) di muka bumi, maka berilah keputusan (perkara) di antara manusia dengan adil dan janganlah kamu mengikuti hawa nafsu, karena ia akan menyesatkan kamu daripada jalan Allah. Sesungguhnya orang-orang yang sesat daripada jalan Allah akan mendapat azab yang berat, kerana mereka melupakan hari perhitungan." (Surah al-Maidah (5): ayat 8)

Selain itu, kebaikan yang dapat diperolehi melalui teknologi AI ini adalah dapat memudahkan orang awam mendapatkan maklumat dan menjimatkan kos perkhidmatan guaman. Antara contoh aplikasi yang sering diguna pakai pada hari ini ialah ChatGPT (*Chat Generative Pre-Trained Transformer*) yang merupakan salah satu bot komunikasi yang canggih di masa kini. Hal ini kerana, ChatGPT mempunyai kemampuan dalam menyampaikan maklumat kepada manusia dan konsep komunikasinya yang mirip seakan manusia (Adawiyah Hosni et al., 2023). Sebagai contoh, firma guaman Shang & Co telah memperkenalkan teknologi AI yang diberi nama AskAILA yang berfungsi sebagai pembantu perundangan. Dalam skop yang lebih luas, AskAILA mampu untuk menyediakan nasihat undang-undang yang boleh diakses

pada kos yang lebih rendah dan menjimatkan berbanding firma guaman domestik yang memerlukan tenaga kerja manusia (Digital News Asia, 2021). Sistem ini juga mampu menyampaikan bantuan sepanjang masa tanpa sebarang limitasi waktu di samping turut diselia oleh pakar-pakar perundangan yang sedia memberikan bantuan sekiranya persoalan yang diajukan itu di luar norma kebiasaan kefahaman sistem tersebut (Digital News Asia, 2021). Justifikasinya, sistem ini telah menunjukkan pelbagai impak positif khususnya dalam meringankan bebanan pengguna untuk mendapatkan khidmat guaman dan kebolehcapaian terhadap data-data yang diperlukan.

Walaupun begitu, kemajuan teknologi AI ini turut mendatangkan pelbagai kesan negatif dan mafsadah kepada pengguna sekiranya tidak diteliti dengan baik. Keburukan yang lahir daripada teknologi ini telah mendatangkan kemudaratan kepada sistem hidup manusia sama ada melalui kesan jangka pendek atau kesan jangka masa panjang yang bertentangan dengan prinsip syariat Islam khususnya menerusi aspek perundangan. Antara mafsadah yang diketengahkan oleh para pengamal perundangan adalah teknologi AI ini didapati sedikit *bias* atau berat sebelah dalam membuat pertimbangan yang membuatkan hukuman yang diputuskan tidak berdiri di atas neraca keadilan dan kebenaran (Sourdin, 2018). Hal ini demikian kerana, teknologi AI mempunyai algoritma yang diskriminatif dan merupakan cerminan kepada kekurangan reka bentuk, kelompongan data serta tidak seimbang namun deprogramkan ke dalam sistem untuk kegunaan umum oleh masyarakat (Zulkifli, 2023). Walaupun keralatan dalam menentukan data ini dapat dikesan melalui anonimisasi dan penentukuran langsung, namun kesilapan data yang sedia ada sudah menjadi simpanan dan output sesuatu teknologi AI tersebut (CM Melchionna, 2023).

Selain itu, kajian juga menunjukkan terdapat mafsadah atau keburukan teknologi AI dalam kesalahan mentafsirkan kod undang-undang dan membawa kepada keputusan hukum yang tidak tepat (Sourdin, 2018). Hal ini kerana bahasa undang-undang adalah bahasa yang bernuansa dan sering melihat pemahaman secara konseptual serta tidak terbatas pada kerangka teori semata-mata. Pengaturcara komputer dan pakar teknologi jarang mempunyai kelayakan undang-undang yang mengetahui secara mendasar akan sesuatu istilah dan pelaksanaan perundangan. Walaubagaimanapun, golongan ini merupakan pihak yang bertanggungjawab untuk menterjemahkan perundangan untuk kegunaan kodifikasi perincian komputer (Sourdin, 2018). Tambahan pula, kod ini perlu untuk sentiasa dikemas kini selari dengan sebarang bentuk pindaan akta, keputusan kes-kes baharu dan peralihan peruntukan yang kompleks (Sourdin, 2018). Namun sekiranya kod-kod ini tidak dikemaskini, potensi untuk memutuskan hukuman secara tidak rasional adalah besar dan melanggar etika keadilan sesuatu institusi kehakiman.

Seterusnya, teknologi AI juga telah menunjukkan kekurangannya melalui sifat manusiawi yang merupakan antara pertimbangan penting dalam konteks kehakiman. Lumrah penciptaan sistem atau teknologi AI adalah kontang daripada sebarang bentuk emosi dan perasaan (Zulkifli, 2023). Hal ini dapat dilihat apabila norma bagi sesuatu penghakiman dalam sistem perundangan akan melibatkan aspek budi bicara dan perkara ini bertentangan dengan program komputer yang beroperasi berdasarkan logik. Pertimbangan logik tersebut dibuat berasaskan algoritma yang dimuat naik untuk mencapai hasil yang ditetapkan. Namun, menerusi pertimbangan yang dilakukan melalui budi bicara, pelbagai perspektif akan diambil kira seperti nilai komuniti, ciri subjektif bagi sesuatu pihak dan keadaan sekeliling yang berkaitan (Sourdin, 2018). Keadaan ini bertepatan sepertimana anjuran syariat dalam meraikan dinamika sekeliling dalam menentukan sesuatu hukum yang disebut menerusi kaedah fiqh, "*Sesuatu hukum berubah dengan perubahan masa dan tempat.*" Tambahan pula, pertimbangan budi bicara ini menunjukkan proses interaksi nilai manusiawi terhadap konteks semasa yang berkait rapat dengan kemuliaan seseorang manusia. Allah SWT berfirman:

Terjemahan: *“Dan sesungguhnya telah Kami muliakan anak-anak Adam, Kami angkut mereka di daratan dan di lautan, Kami beri mereka rezeki dari yang baik-baik dan Kami lebihkan mereka dengan kelebihan yang sempurna atas kebanyakan makhluk yang telah Kami ciptakan.”*
(Surah al-Isra' (17): ayat 70)

Melalui ayat di atas, Al-Qurtubi (671H) (1994) mentafsirkan ayat ini dengan mendatangkan pandangan daripada al-Dhahhak (106H) bahawa kelebihan yang Allah SWT berikan kepada manusia yang mengatasi makhluk penciptaan-Nya yang lain adalah kemuliaan berfikir dan kemampuan membezakan baik dan buruk. Sekiranya dilihat dari perspektif yang lebih makro, al-Juwayni (864H) menyatakan bahawa perolehan sesuatu ilmu, maklumat atau data oleh akal melalui melalui secara langsung (*al-Dharuri*) (Al-Mahalliy, 2021) atau secara tidak langsung (*al-Muktasab*) yang memerlukan kepada perincian, pemikiran secara kritis dan pembelajaran dalam mendapatkannya (Al-Mahalliy, 2021). Oleh itu, pemprosesan data dan maklumat tanpa didasari nilai manusiawi akan menjadikan keputusan sesuatu hukuman itu kering dan tidak mampu hidup dalam kepelbagaian ragam manusia.

Dalam mendepani masalah dan mafsadah teknologi AI yang tidak dinyatakan dalil secara spesifik menerusi risalah wahyu, syariat telah meletakkan garis panduan umum yang penting dalam semasa berinteraksi dengan kedua-dua perkara tersebut iaitu menerusi kaedah (Al-Suyuthi, 2021):

درء المفسد أولى من جلب المصالح

Terjemahan: *“Menghindari kerosakan lebih diutamakan daripada mencari kemaslahatan”*

Maksud daripada kaedah di atas adalah sekiranya sesuatu kemudharatan bertembung dengan sebarang kebaikan, syariat akan mendahulukan langkah untuk menghilangkan kemudharatan itu terlebih dahulu. Hal ini kerana, sekiranya sesuatu kemudharatan dibiarkan berada dalam ruang lingkup kebaikan, potensi untuk keburukan itu terzahir lebih tinggi berbanding kebaikan dan akhirnya membawa kepada kerosakan demi kerosakan. Antara contoh yang dapat diketengahkan melalui prinsip ini adalah pada peranan ChatGPT yang menjadi sandaran hukum kepada masyarakat awam. Meskipun terlihat sebagai suatu kebaikan dan bermanfaat namun dari sisi negatifnya, aplikasi ini mampu memberikan risiko dan implikasi yang negatif terhadap kredibiliti dan integriti keilmuan Islam yang diwarisi dari turun-termurun melalui disiplin ilmu yang kukuh terutamanya apabila wujud golongan yang sekadar mencedok keilmuan daripada ChatGPT tanpa menuntut ilmu dengan metodenya yang jelas sehingga berlaku polemik dan pertembungan dalam kualiti keilmuan masyarakat semasa apatah lagi dalam menyelesaikan isu keadilan yang melibatkan banyak pihak.

Menerusi tradisi keilmuan Islam, susur jalur keilmuan atau sanad mempunyai kedudukan yang signifikan yang menghubungkan keilmuan murid kepada guru hingga sampai kepada Rasulullah ﷺ. Dengan wujudnya sanad yang jelas, nilai integriti dalam kredibiliti ilmu dapat dipelihara dan dijaga. Menurut Adawiyah Hosni (Al-Suyuthi, 2021) yang menukilkan kata-kata Ibn Mubarak (181H) yang masyhur iaitu:

الاسناد من الدين ولولا الاسناد لقال من شاء ما شاء

Terjemahan: *“Sanad adalah sebahagian dari agama, jika bukan kerana sanad, pasti sesiapa pun boleh berkata dengan apa yang dikehendaki”*

Kesimpulannya, syariat amat meraikan perkembangan teknologi yang mampu memberikan kebaikan dan manfaat kepada manusia. Buktinya, hukum asas bagi

teknologi AI ini adalah harus dengan syarat tidak mempunyai sebarang perkara yang bertentangan dengan tuntutan syariat. Menerusi dua aspek yang mengandungi permasalahan tersendiri dalam pengaplikasian kecerdasan buatan, syariat juga tidak menafikan bahawa terdapat kebaikan dan keburukan teknologi yang harus dipertimbang melalui bentuk-bentuk implikasi yang berlaku. Pertimbangan implikasi berdasarkan neraca syariat merupakan penelitian yang penting untuk menimbang kemaslahatan sesuatu perkara dalam realiti setempat. Penggunaan terma *maalat* yang dipopularkan oleh al-Syatibi (790H) ini juga menjadi satu penelitian yang mendasar ke atas *masalah* dan *mafsadah* yang akan dipakaikan dengan kerangka *Maqasid al-Syariah* (Muhammad Shahrul Idwat, 2018). Hal ini kerana, menetapkan sesuatu kebaikan atau keburukan tanpa melihat kepada elemen *maalat* perkara tersebut akan menjadikan keputusan hukum yang dikeluarkan tidak bertepatan dengan ruh syariat. Oleh itu, penelitian mendasar perlu dilakukan ketika ingin menggunakan teknologi AI khususnya dalam aspek perundangan agar pelaksanaannya bertepatan dengan prinsip keadilan yang diketengah menerusi *Maqasid al-Syariah*. Prinsip keadilan yang digariskan menerusi objektif Syariah dalam perspektif ini haruslah meraikan nilai integriti dan menghindari kezaliman ke atas mana-mana pihak sepertimana yang diharamkan oleh syarak.

PERANAN BADAN KEHAKIMAN DAN PRINSIP-PRINSIP ASAS DALAM PENGADILAN KES

Istilah kehakiman dapat ditakrifkan sebagai “menghukum di antara beberapa orang yang bertikai berdasarkan undang-undang Islam dengan cara-cara yang tertentu” (Azizah & Ruzman, 2018). Dalam mengendalikan perselisihan dan mengadili pihak-pihak yang terlibat, Syariat Islam menyatakan dengan jelas matlamatnya iaitu untuk menegakkan keadilan. Ini dapat difahami daripada firman Allah SWT dalam ayat berikut:

Terjemahan: “Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran; dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada taqwa. Dan bertaqwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan.” (Surah al-Maidah (5): ayat 8)

Ayat al-Quran di atas jelas menunjukkan seruan Allah SWT untuk berlaku adil sesama manusia dan tidak terpengaruh dengan anasir luar dalam menegakkan kebenaran. Abu Hayyan al-Andalusi dalam Tafsir *Al-Bahr al-Muhit* telah menafsirkan bahawa punca manusia yang tidak mampu berlaku adil disebabkan oleh dua faktor. Faktor pertama ialah menyebelahi diri sendiri atau kaum kerabat yakni bersifat berat sebelah manakala faktor kedua ialah akibat wujudnya permusuhan dengan orang lain yang boleh mempengaruhi keputusan akhir seperti dalam ayat al-Quran di atas (Quran.com, 2016). Penegasan tentang faktor ketidakadilan yang pertama pula dapat dilihat menerusi firman Allah SWT dalam ayat berikut:

Terjemahan: “Wahai orang-orang yang beriman! Hendaklah kamu menjadi orang-orang yang sentiasa menegakkan keadilan, lagi menjadi saksi (yang menerangkan kebenaran) kerana Allah, sekalipun terhadap diri kamu sendiri, atau ibu bapa dan kaum kerabat kamu. Kalaulah orang (yang didakwa) itu kaya atau miskin (maka janganlah kamu terhalang daripada menjadi saksi yang memperkatakan kebenaran disebabkan kamu bertimbang rasa), kerana Allah lebih bertimbang rasa

kepada keduanya. Oleh itu, janganlah kamu turutkan hawa nafsu supaya kamu tidak menyeleweng dari keadilan. Dan jika kamu memutar-balikkan keterangan ataupun enggan (daripada menjadi saksi), maka sesungguhnya Allah sentiasa Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan.” (Surah al-Nisa’ (4): ayat 135)

Melalui kedua-dua ayat al-Quran tersebut, Allah SWT dengan nyata menghalang manusia untuk sentiasa bertindak menggunakan nafsu yang tidak selari dengan prinsip keadilan dalam Islam. Dalam sistem kehakiman, matlamat ini tidak akan dapat dicapai sekiranya tidak dikendalikan oleh hakim yang adil dan saksama. Oleh itu, antara syarat utama kelayakan menjadi hakim ialah seseorang itu mestilah mampu bersikap adil dan saksama. Syarat ini digariskan antaranya oleh Imam al-Mawardi (Abd Khalil, 1991) dan Imam al-Syarbini (Mohd Nazri, 2001). Proses pelantikan hakim pula mestilah dilantik oleh pemerintah sesebuah negara yang memegang kekuasaan secara umum (Abd Khalil, 1991; Mohd Nazri, 2001).

Dalam konteks Malaysia, pelantikan hakim-hakim secara umumnya dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong (YDPA). Bagi Mahkamah Tinggi yang merangkumi Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi perkara ini termaktub dalam Perkara 122B Perlembagaan Persekutuan (PP). Hakim-hakim dilantik oleh YDPA atas nasihat Perdana Menteri dan selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja Melayu dan mestilah merupakan seorang warganegara Malaysia dan telah berkhidmat selama tempoh sepuluh tahun sebelum pelantikannya sebagai Hakim di Mahkamah-Mahkamah Tinggi berdasarkan Perkara 123 PP. Bagi Mahkamah Rendah yang merangkumi Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret pula, kuasa pelantikan hakim termaktub dalam Akta Mahkamah Rendah 1948 (Akta 92). Seksyen 59(3) menyatakan bahawa setiap Mahkamah Sesyen hendaklah diketuai oleh Hakim Mahkamah Sesyen yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong atas syor Hakim Besar. Hakim yang dilantik mestilah seorang anggota Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan Persekutuan. Bagi pelantikan Majistret pula, dalam seksyen 78 Akta 92 dinyatakan bahawa Pihak Berkuasa Negeri boleh, atas syor Hakim Besar dalam setiap hal, melantik mana-mana orang yang layak dan sesuai untuk menjadi Majistret Kelas Pertama dalam dan bagi Negeri itu.

Peruntukan-peruntukan di atas tidak menyatakan secara jelas kelayakan seorang hakim mestilah bersifat adil dan amanah. Namun, Perkara 124 PP memperuntukkan bahawa hakim-hakim di Mahkamah Tinggi hendaklah mengangkat dan menandatangani sumpah jawatan dan sumpah taat setia yang dinyatakan dalam Jadual Keenam berhubung dengan kewajipan kehakimannya. Berdasarkan Jadual Keenam PP, antara ikrar yang wajib diangkat dan disumpah oleh seseorang yang bakal bergelar hakim ialah untuk jujur menunaikan kewajipan-kewajipan jawatan hakim tersebut dengan segala daya upaya. Selain itu, seorang hakim juga perlu mematuhi segala peraturan yang digariskan dalam Kod Etika Hakim 2009 (KOE). Kod ini bertujuan menetapkan standard asas untuk mengawal tatakelakuan semua hakim dan menjadi bimbingan kepada hakim dalam membentuk dan memelihara budi pekerti dan tatakelakuan kehakiman yang tinggi sepertimana yang tertulis dalam Seksyen 2(1) KOE. Antara tatakelakuan utama yang disenaraikan pada Bahagian III KOE ini adalah mendukung integriti dan kebebasan badan kehakiman (seksyen 5), mengelakkan ketidaksopanan dan gambaran ketidaksopanan dalam kesemua aktiviti kehakiman (seksyen 6), menjalankan tugas-tugas kehakiman dengan adil dan cekap (seksyen 7) serta mengurangkan risiko percanggahan dengan tanggungjawab kehakiman hakim ketika menjalankan aktiviti luar kehakimannya (seksyen 8).

Selain statut perundangan, penekanan terhadap seorang hakim yang adil dan beretika ini dapat dirujuk melalui penghakiman kes *Public Prosecutor v. Goh Chooi Guan* [1978]. Hakim Syed Agil Barakbah menyatakannya seperti berikut:

“Seseorang lelaki tidak layak untuk duduk dalam kapasiti kehakiman kerana sikap berat sebelah terhadap salah satu pihak atau yang lain, atau prasangka terhadap satu pihak atau melanggar peraturan keadilan. Perkara ini tidak memerlukan wujudnya sikap berat sebelah atau prasangka sebenar, tetapi sudah mencukupi jika pada pandangan orang yang berakal sihat terdapat kemungkinan sedemikian, dalam keadaan tersebut, walaupun dia adalah tidak berat sebelah sebagaimana mungkin.”

Melalui penghakiman bagi kes di atas, dapat difahami bahawa seseorang yang mempunyai kemungkinan untuk tidak berlaku adil, bersifat sebelah atau prejudis terhadap mana-mana pihak tidak layak untuk memiliki kapasiti dalam bidang kehakiman (Ashgar Ali & Hanifah Haydar, 2010). Dalam menjalankan fungsi kehakiman bagi menegakkan keadilan, Seksyen 5 KOE turut memperuntukkannya seperti berikut:

“Seseorang hakim hendaklah menjalankan fungsi kehakimannya dengan bebas berdasarkan penilaiannya tentang fakta dan mengikut pemahamannya tentang undang-undang, bebas daripada apa-apa pengaruh luar, dorongan, tekanan, ancaman atau gangguan, secara langsung atau tidak langsung daripada mana-mana pihak atau bagi apa-apa sebab.”

Daripada peruntukan di atas, dapat dirumuskan beberapa prinsip asas dalam pengadilan sebuah kes. Pertama, pengadilan sesebuah kes mestilah berpandukan kepada prinsip undang-undang. Kedua, hakim mempunyai kuasa budi bicara dalam memutuskan kes berdasarkan fakta kes. Apa yang dimaksudkan dengan undang-undang tidak terhad kepada undang-undang bertulis atau statut yang digubal oleh badan perundangan negara. Perkara ini turut merangkumi undang-undang kes iaitu keputusan-keputusan mahkamah terdahulu yang bersifat mengikat berdasarkan doktrin *stare decisis* (Ahmad Ibrahim & Ahilemah Jones, 2005). Doktrin ini bermaksud seorang hakim terikat untuk memutuskan kes yang diadilinya berdasarkan *ratio decidendi* kes terdahulu sekiranya keputusan kes itu adalah daripada mahkamah yang lebih tinggi hierarkinya. Namun bagi Mahkamah Rayuan, hakim mahkamah ini bukan sahaja terikat dengan kes terdahulu yang diputuskan oleh mahkamah yang lebih tinggi. Malah, ia terikat dengan dirinya sendiri iaitu keputusan kes daripada Mahkamah Rayuan terdahulu (Ahmad Ibrahim & Ahilemah Jones, 2005).

Dalam konteks pengadilan kes, duluan mengikat bertujuan untuk mewujudkan keselarasan dan kepastian dalam kes-kes yang diadili. Ini dinyatakan dalam kes *P.P. lwn. Datuk Tan Cheng Swee & Anor* [1980] melalui kenyataan Hakim Persekutuan Chang Min Tat berikut:

“Sistem *common law* kita didasarkan di atas pemakaian kaedah undang-undang yang kita ambil daripada prinsip-prinsip undang-undang dan duluan kehakiman dengan kombinasi keadaan yang baru; dan demi untuk mencapai penyelarasan, ketetapan dan kepastian, kita mesti memakai kaedah-kaedah tersebut kepada kes-kes yang timbul sekiranya kes tersebut tidak mustahil dan tidak menyulitkan; dan kita tidak mempunyai pilihan untuk menolaknya, dan untuk meninggalkan semua analogi mengenainya dalam kes-kes yang belum lagi dipakai secara kehakiman, oleh kerana kita berpendapat bahawa kaedah-kaedah itu tidaklah semudah dan semunasabah yang kita sendiri akan cipta.”

Walaupun terdapat kes duluan yang mengikat, ini tidak bermakna bahawa hakim tidak mempunyai kebebasan dalam membuat keputusan berdasarkan kepada fakta kes yang diadili. Dalam kes *Mah Kah Yew lwn. Public Prosecutor* [1971], Hakim Wee Chong Jin C.J. menyatakan:

“...Namun demikian, kami sedar bahawa sifat terlalu terikat kepada duluan ini akan membawa kepada ketidakadilan dalam kes-kes yang tertentu dan menyekat perkembangan undang-undang dengan sempurna. Oleh sebab itu, kami mencadangkan untuk mengubah amalan kami yang ada dan dalam pada menganggap keputusan *House of Lords* ini pada lazimnya mengikat, kami boleh menyimpang daripada keputusan yang dahulu sekiranya dipandang munasabah untuk berbuat demikian.”

Melalui kenyataan ini, dapat dirumuskan bahawa hakim masih mempunyai budi bicara dalam memutuskan kes berbeza dengan kes terdahulu jika terdapat keperluan yang munasabah bagi menegakkan keadilan. Apa yang dimaksudkan dengan budi bicara secara asasnya adalah kuasa yang mengizinkan pemegangnya sejumlah ruang kebebasan untuk mengambil keputusan berdasarkan pertimbangan terhadap beberapa alternatif yang ada (Abdul Aziz Bari, 2004). Dalam statut perundangan, pemberian kuasa budi bicara dapat difahami melalui peruntukan yang menggunakan perkataan seperti “boleh,” “atau,” “sekiranya difikirkan sesuai” dan sebagainya. Contoh peruntukan bagi kes sivil dan kes jenayah yang memberikan kuasa budi bicara kepada mahkamah adalah seperti berikut:

“Dalam mana-mana prosiding yang dibicarakan dalam mana-mana Mahkamah bagi mendapatkan kembali mana-mana hutang atau ganti rugi, Mahkamah boleh, sekiranya difikirkan sesuai, memerintahkan bahawa hendaklah dimasukkan dalam jumlah yang mana penghakiman diberi bunga pada kadar tertentu sebagaimana yang difikirkan sesuai atas keseluruhan atau mana-mana bahagian hutang atau ganti rugi bagi keseluruhan tempoh atau mana-mana bahagian tempoh di antara tarikh bila kuasa tindakan telah timbul dan tarikh penghakiman.” (Akta Undang-Undang Sivil 1956).

Dalam contoh peruntukan di atas, jelas bahawa mahkamah diberikan budi bicara untuk membuat keputusan sesuai dengan fakta kes yang diadili. Sebelum keputusan dibuat, pelbagai faktor juga perlu dipertimbangkan agar dapat memberikan keadilan kepada pihak-pihak yang bertikai. Setiap kes perlu diadili secara *case-by-case basis*. Kes *Rex v Kenneth John Ball* [1951] menjelaskan keperluan ini seperti berikut:

“Undang-undang kita tidak menetapkan hukuman untuk satu jenayah tertentu, tetapi menetapkan hukuman maksimum dan membiarkan mahkamah untuk memutuskan hukuman yang sesuai dalam keadaan tertentu bagi setiap kesalahan jenayah. Bukan sahaja berkaitan dengan setiap jenayah, tetapi juga berkaitan dengan setiap pesalah, mahkamah mempunyai hak dan kewajipan untuk memutuskan sama ada untuk bersikap belas kasihan atau tegas.”

Kesimpulannya, statut perundangan telah menetapkan julat kadar hukuman dan kaedah bagi penetapan keputusan. Namun, mahkamah diberikan kuasa budi bicara dalam menetapkan keputusan yang sesuai bagi setiap kes yang diadili berdasarkan kefahaman mereka terhadap prinsip undang-undang. Dalam hal ini, kes terdahulu perlu dirujuk agar keputusan yang dibuat tidak sewenang-wenangnya atau di luar daripada kebiasaan sehingga menyebabkan ketidakadilan berlaku.

KAPASITI TEKNOLOGI KECERDASAN BUATAN DALAM PROSES PENGADILAN KES


Kapasiti teknologi AI dalam menyelesaikan tugas yang kompleks telah terbukti dalam pelbagai lapangan. Ini kerana ia berupaya memproses data menyerupai kecerdasan kognitif manusia. Kapasiti sistem ini sentiasa dipertingkatkan seiring dengan perkembangan teknologi. Ia boleh dibahagikan kepada tiga jenis iaitu sistem yang bersifat analitik, *human-inspired* dan *humanised* (Kaplan, 2021). Ketiga-tiga sistem ini dapat dibezakan melalui kapasiti kecerdasan kognitif, kecerdasan emosi, kecerdasan sosial atau kombinasi antara kecerdasan-kecerdasan ini dalam sistem AI tersebut menerusi Jadual 2 (Kaplan, 2021):

Jadual 2 Jenis sistem kecerdasan buatan dan kapasiti-kapasitinya

Sistem/Kapasiti	Kecerdasan Kognitif	Kecerdasan Emosi	Kecerdasan Sosial
Analitik	/	X	X
<i>Human-inspired</i>	/	/	X
<i>Humanised</i>	/	/	/

Kecerdasan kognitif merupakan suatu proses berfikir iaitu kemahiran dan kemampuan untuk menghubungkan, menilai dan mempertimbangkan sesuatu kejadian atau peristiwa (Condy et al., 2020). Sistem AI yang mempunyai kecerdasan emosi pula mampu memahami emosi manusia dan menimbang tara emosi tersebut dalam membuat keputusan (Kaplan, 2021). Seterusnya, kecerdasan sosial merupakan satu kecerdasan yang bukan sahaja mampu memahami emosi, tetapi juga kemampuan untuk bertindak berdasarkan perasaan, fikiran dan tingkah laku orang lain (The Positivity Project, 2016). AI yang mempunyai kecerdasan sosial ini dapat berinteraksi dengan orang sekeliling dan mempunyai kesedaran diri (Kaplan, 2021) iaitu mampu untuk berdiri di atas kapasiti dirinya sendiri tanpa memerlukan bantuan atau campur tangan manusia dalam penentuan sesuatu keputusan.

Selain daripada pembahagian AI melalui kapasiti kecerdasannya, sistem ini juga dapat dibahagikan kepada tiga tahap perkembangan iaitu *Artificial Narrow Intelligence* (ANI), *Artificial General Intelligence* (AGI) dan *Artificial Super Intelligence* (ASI) (Aliff Nawi, 2021). Perbezaan antara tiga tahap perkembangan AI ini boleh dirumuskan melalui rajah berikut:



Rajah 1: Tahap perkembangan AI

Teknologi AI semasa telah melalui tahap pertama iaitu ANI. Contohnya adalah penggunaan AI bagi mengambil pesanan dari pelanggan dan kemudiannya menghantar

pesanan tersebut kepada pelanggan seperti yang telah diaplikasikan di beberapa restoran di Malaysia. Pada tahap seterusnya iaitu AGI, AI bukan sahaja mampu mengambil dan menghantar pesanan kepada pelanggan, tetapi juga mampu menyediakan pesanan tersebut kepada pelanggan secara terus. Pada tahap terakhir iaitu ASI, kemampuan AI dibayangkan mampu mengatasi kecerdasan manusia. Ini merupakan satu kemungkinan yang akan berlaku sekiranya AI terus dikembangkan tanpa had sehingga boleh menjejaskan kehidupan manusia sekiranya sistem ASI ini mampu menguasai manusia.

Dalam konteks perundangan, kecerdasan kognitif dalam sistem analitik teknologi AI boleh digunakan untuk menghasilkan keputusan untuk kes semasa yang diadili berdasarkan pengetahuan dan pembelajaran AI terhadap statut perundangan dan kes-kes terdahulu yang diputuskan oleh mahkamah. Walau bagaimanapun, tahap kecerdasan AI setakat ini masih lagi berada di tahap sistem yang bersifat analitik dan telah dimanfaatkan oleh banyak badan perundangan dan kehakiman dunia. Di Malaysia, teknologi ini digunakan dalam beberapa aspek bagi menjalankan fungsi tertentu seperti yang dirumuskan dalam jadual berikut:

Jadual 3 Aplikasi kecerdasan buatan dalam aspek perundangan di Malaysia

Fungsi AI	Contoh aplikasi
Teknologi Sokongan	• Perkhidmatan nasihat guaman atas talian • Maklumat tentang perundangan atas talian
Teknologi Penggantian	• E-Kehakiman
Teknologi Pengganggu	• AskAILA (Digital News Asia, 2021) • Sabah's Digital and Artificial Intelligence Legal Aid Centre (Azmi & Associates, 2021) • Penasihat hakim bagi kes-kes tertentu

Dalam aspek sokongan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) contohnya telah menyediakan platform atas talian yang masing-masing dikenali sebagai e-Konsultasi dan K-Fuam bagi memberi konsultasi guaman sivil atau Syariah secara percuma (Norsuhaida & Muim Abdullah, 2022; Majlis Agama Islam Selangor, 2023). Tambahan lagi, terdapat pelbagai info mengenai proses perundangan yang telah dikongsi oleh firma guaman menerusi laman sesawang rasmi mereka yang meliputi pelbagai cabang sama ada undang-undang sivil, jenayah, syariah, hartanah, sukan dan sebagainya.

Dalam aspek penggantian, teknologi AI juga turut digunakan bagi menggantikan operasi dan perkhidmatan bersemuka di mahkamah kepada perkhidmatan atas talian. Aplikasi-aplikasi yang terdapat dalam sistem e-Kehakiman di Malaysia contohnya adalah *e-Filing* (EFS), *Case Management System* (CMS), e-Review, e-Appellate, e-Lelong dan e-Jamin (MyGovernment, n.d.). Aplikasi AI ini memudahkan akses pengguna kepada perkhidmatan mahkamah dan banyak membantu dalam mepercepatkan proses. Jelas bahawa aplikasi AI sebagai teknologi pengganti mahupun sokongan telah memberikan manfaat yang besar kepada sistem kehakiman. Justeru, penggunaannya dalam aspek pengurusan sesebuah kes adalah wajar dan perlu dipertingkatkan dari semasa ke semasa untuk kemaslahatan semua pihak yang terlibat.

Persoalan yang perlu diberikan pertimbangan yang lebih mendalam adalah mengenai kapasiti teknologi AI dan tahap kewajaran penggunaannya sebagai teknologi pengganggu. Teknologi pengganggu ini boleh disimpulkan sebagai sistem AI pada tahap AGI yang mampu menyelesaikan masalah dan membuat keputusan kes. Penggunaan teknologi AI sebagai teknologi pengganggu ini boleh berlaku dalam dua bentuk. Pertama, sebagai sistem yang bertujuan membantu hakim dalam melakukan analisis awal terhadap kes. Kedua, sebagai sistem automatik yang melakukan analisis sepenuhnya dan menghasilkan keputusan kes tanpa campur tangan manusia (Nowotko, 2021). Secara asasnya, kelebihan penggunaan AI dalam pengadilan kes

antaranya adalah dapat menyelesaikan dengan lebih cepat. Selain itu, analisis terhadap dluhan kes dapat dilakukan dengan menyeluruh. Ini kerana sistem AI boleh mengakses sejumlah data yang besar daripada pelbagai pangkalan data (Nowotko 2021).

Oleh kerana itu, penggunaan AI sebagai teknologi pengganggu telah digunakan di beberapa negara seperti China, Brazil, Estonia dan tidak terkecuali Malaysia. Namun daripada sorotan literatur, didapati bahawa aplikasi AI di negara tersebut adalah dalam bentuk pertama iaitu AI sebagai pembantu hakim dalam membuat analisis awal terhadap kes yang diadili. Di Malaysia, Sabah dilaporkan sebagai negeri pertama yang menggunakan teknologi AI dalam membantu hakim untuk menentukan hukuman diikuti oleh Sarawak, Kuala Lumpur dan Shah Alam (Shearn Delamore & Co., 2023). Pada tahun 2020, teknologi AI ini diperkenalkan dengan mempunyai fungsi sebagai sistem analitik telah membantu hakim dalam membicarakan kes milikan dadah di bawah Seksyen 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan jenayah rogol di bawah Seksyen 376(1) Kanun Keseksaan (Lim & Gong, 2020). Penggunaan teknologi AI sebagai pembantu hakim dalam membuat analisis awal kes secara asasnya adalah harus selagi tidak mendatangkan mafsadah. Selagi keadilan yang merupakan matlamat utama pengadilan kes dapat ditegakkan, penggunaannya adalah wajar. Apatah lagi jika penggunaannya dapat memberikan manfaat yang jelas seperti yang telah dibincangkan.

Sekiranya bentuk penggunaan AI boleh menyebabkan keadilan tidak dipenuhi, maka penggunaannya adalah tidak wajar. Dalam aspek pengadilan, terdapat diktum yang menyatakan “*Keadilan bukan hanya perlu ditegakkan, tetapi mesti kelihatan ditegakkan.*” Penggunaan AI dalam bentuk kedua bagi menggantikan hakim sepenuhnya dilihat tidak memenuhi prinsip ini atas beberapa faktor. Pertama, terdapat konsep tertentu dalam undang-undang yang tidak mempunyai pengertian khusus yang seragam. Justeru, analisis sistem analitik AI terhadap dluhan kes masih tidak memadai untuk menjelaskan kedudukannya dalam kes yang diadili. Peranan hakim masih diperlukan untuk membuat keputusan berdasarkan fakta kes. Kedua, walaupun AI boleh membantu pemakaian doktrin *stare decisis*, kuasa budi bicara hakim masih diperlukan untuk membuat pertimbangan terhadap pelbagai faktor. Ini bagi menghasilkan keputusan yang adil bagi setiap kes. Ketiga, pelantikan hakim menurut undang-undang di Malaysia mestilah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Syarat-syarat ini secara jelas mewajibkan hakim mestilah seorang manusia yang terikat dengan kod etika yang digariskan seperti yang telah dibincangkan dalam subtopik terdahulu. Kekurangan kapasiti AI dalam memenuhi tiga perkara asas ini bukan sahaja menyebabkan kes yang diputuskan sepenuhnya oleh sistem AI boleh diragui keadilannya, bahkan dipersoalkan keabsahannya.

Merujuk kepada faktor pertama di atas, antara konsep yang tidak dapat ditentukan secara automatik oleh sistem analitik AI adalah seperti konsep perlakuan tidak sengaja atau kecuaiian. Ia memerlukan penilaian seorang hakim berdasarkan fakta kes. Keperluan ini dijelaskan dalam kes *Parimala A/P Muthusamy & Ors v Projek Lebuhraya Utara-Selatan* [1997] berikut:

“Untuk menimbulkan kausa tindakan, hendaklah wujud kecuaiian yang merupakan pelanggaran kewajipan berjaga-jaga terhadap pihak yang menuntut. Jika tidak, liabiliti tidak akan ditanggungkan ke atas pihak defendan walaupun berlakunya kerugian dan kerosakan akibat kemalangan. Tetapi apakah yang dimaksudkan dengan kecuaiian? Memadai untuk saya nyatakan bahawa kecuaiian adalah peninggalan membuat sesuatu yang mana seorang yang waras, dengan panduan pertimbangan-pertimbangan yang biasanya mengawal hal-ehwal manusia, akan buat atau membuat sesuatu yang mana tidak akan dibuat oleh seorang yang berhemat dan waras.”

Penghakiman di atas menegaskan bahawa kecuaiian adalah perbuatan atau peninggalan yang bertentangan dengan tindakan seorang yang waras. Untuk membuktikan kecuaiian atau pelanggaran kewajipan berjaga-jaga ini, ujian orang yang waras (*the reasonable man test*) digunakan (Sukatno v Lee Seng Kee [2009] 3 MLJ 306). Tiada satu tafsiran yang khusus menjelaskan bentuk kelakuan orang yang munasabah ini, namun penghakiman di atas menjelaskannya sebagai satu bentuk pertimbangan biasa yang mengawal hal ehwal manusia. Justeru, pembuktiannya bergantung kepada fakta setiap kes dan pertimbangan hakim (Norchaya Talib, 2006).

Selain itu, penetapan kuantum ganti rugi dalam sesebuah kes sivil adalah dibuat berdasarkan kepada prinsip pemberian munasabah. Tiada tafsiran khusus apa yang dimaksudkan dengan munasabah. Ia bergantung kepada penilaian hakim berpandukan kepada peruntukan undang-undang, nilai kerugian sebenar dan juga rujukan terhadap kes terdahulu. Dalam hal ini, kes *United Plywood & Sawmill Ltd v Lock Ngan Loi* [1970] menjelaskannya seperti berikut:

“Seperti yang telah dinyatakan berkali-kali, penilaian ganti rugi bagi kes kecederaan diri adalah antara perkara yang paling sukar bagi hakim di peringkat permulaan mahu pun Mahkamah Rayuan. Apabila seorang lelaki kehilangan tangannya, tiada sebarang nilai di dunia yang boleh memampasnya dengan sebenar-benarnya. Namun, ganti rugi dalam bentuk wang hanyalah satu-satunya cara yang boleh diberikan kepadanya bagi kecederaan yang dialami. Adalah tidak mungkin dan tidak diharapkan bagi ganti rugi kehilangan satu tangan diseragamkan atau ditentukan secara rigid, kerana tiada dua kes yang sama. Tetapi untuk memastikan sedikit bentuk keseragaman, jumlah yang diputuskan dalam kes terdahulu, yang mempunyai perbandingan yang munasabah dengan kes yang diadili, boleh menjadi panduan yang berguna. Prinsip umumnya ialah Mahkamah Rayuan hanya boleh campur tangan dalam urusan penilaian jika dianggap penilaiannya amat tinggi sehingga mahkamah boleh menyatakan. ‘Oh!, itukah ganti rugi yang diputuskan – jumlah itu mesti diubah’, atau sekiranya ia terlalu jauh daripada trend pemberian dalam kes-kes yang boleh dibandingkan secara munasabah dan justeru mesti dianggap sebagai penilaian yang salah.”

Daripada penghakiman kes di atas, dapat difahami bahawa tidak wujud nilai tetap bagi setiap anggota badan yang cedera dalam undang-undang tort. Panduan yang wujud bagi memutuskan jumlah ganti rugi hanyalah keputusan kes-kes terdahulu yang hampir sama.. Seperti yang dinyatakan, tujuan rujukan ialah bagi mewujudkan satu bentuk keseragaman dalam ganti rugi yang diputuskan. Walau bagaimanapun, rujukan terhadap kes yang sama hanyalah bersifat panduan. Ini kerana setiap kes perlu diputuskan berdasarkan faktanya. Oleh itu, kuantum yang diputuskan boleh berbeza dengan nilai yang diputuskan dalam kes terdahulu yang mempunyai fakta yang hampir sama.

Faktor kedua yang menyebabkan penggunaan Sistem AI bagi menggantikan hakim sepenuhnya dilihat tidak wajar adalah kerana ia menafikan kuasa budi bicara hakim. Hakikatnya, kuasa budi bicara ini merupakan elemen penting dalam sebuah pengadilan yang adil. Dalam sebuah kes jenayah misalnya, terdapat pelbagai faktor yang perlu dipertimbangkan sebelum hukuman yang munasabah dijatuhkan. Selain menilai kepentingan awam dan prinsip-prinsip menghukum, mahkamah juga akan mempertimbangkan rayuan mitigasi pihak pembelaan yang akan mengemukakan faktor-faktor peringanan hukuman bagi tertuduh manakala pihak pendakwaan akan mengemukakan faktor-faktor pemberatan di akhir kes pembelaan antaranya seperti berikut:

Jadual 4 Faktor-faktor peringanan dan pemberatan

Sumber Perundangan	Faktor Peringanan	Faktor Pemberatan
Seksyen 176(2) Kanun Tatacara Jenayah	1. Umur tertuduh. 2. Pengakuan tertuduh. 3. Rayuan mitigasi.	1. Rekod jenayah lampau. 2. Kenyataan impak mangsa atau keluarga mangsa.
<i>Tan Bok Yang v Public Prosecutor</i> [1972] 1 MLJ 214	1. Tanggungjawab tertuduh terhadap keluarga. 2. Kesan hukuman terhadap kerjayanya. 3. Umur tertuduh. 4. Kesihatan tertuduh. 5. Kerjasama tertuduh terhadap polis. 6. Pengakuan bersalah. 7. Status tertuduh.	1. Graviti jenayah. 2. Situasi sebenar ketika jenayah itu berlaku. 3. Rekod jenayah lampau. 4. Keganasan ketika melakukan jenayah. 5. Kepentingan awam.

Berdasarkan jadual di atas, dapat disimpulkan bahawa tugas seorang hakim bukan sekadar menentukan sama ada satu-satu kes itu didapati bersalah atau tidak, tetapi juga merangkumi aspek pertimbangan yang jitu disertai dengan sifat kemanusiaan dalam menjalankan budi bicaranya ketika menjatuhkan hukuman terhadap pesalah. Tidak dapat menafikan bahawa seorang hakim perlulah menetapkan hukuman yang setimpal dengan kesalahan pesalah tetapi ujian 'hukuman setimpal' itu mestilah berdasarkan prinsip-prinsip pengadilan dan faktor-faktor yang perlu dititikberatkan agar hukuman tersebut dapat mencapai keadilan bagi kedua-dua pihak yang bertikai. Inilah yang dimaksudkan dengan pengadilan secara case-by-case dalam kes *Rex v Kenneth John Ball* seperti yang telah dibincangkan dalam subtopik terdahulu. Penggunaan sistem AI semata-mata tanpa campur tangan manusia untuk memutuskan sebuah kes jelas tidak akan dapat mencapai tahap pertimbangan terperinci seperti yang dilaksanakan oleh seorang hakim menggunakan budi bicaranya.

PENUTUP

Kesimpulannya, sistem kehakiman yang adil dan saksama akan dapat dibina melalui hakim yang adil dan beramanah dengan tanggungjawabnya. Perkara ini penting dan menjadi asas kepada keyakinan orang awam untuk sentiasa berpegang kepada ikrar untuk menjunjung kedaulatan undang-undang. Tanpa menafikan bahawa hakim juga seorang manusia dan boleh membuat kesilapan, namun perkara penting ialah kesilapan yang dilakukan itu bukanlah dalam keadaan yang sedar dan sengaja untuk menghina prinsip keadilan yang menjadi asas bagi institusi kehakiman. Penggunaan teknologi AI yang dilaksanakan ini telah terbukti dapat menjimatkan masa dan memudahkan sistem kehakiman dalam pelbagai aspek yang dibincangkan dan secara tidak langsung telah meningkatkan keyakinan orang awam terhadap sistem kehakiman yang lebih pantas prosesnya berbanding sebelum penggunaan teknologi AI. Namun begitu, teknologi AI yang dilaksanakan dalam sistem kehakiman ini mestilah selari dengan garis panduan Syariat. Hal ini kerana, setiap tingkah laku manusia di muka bumi ini akan diadili oleh Allah SWT dan manusia perlulah memastikan bahawa

tingkah laku itu tidak mendatangkan kemurkaan Allah SWT. Sekiranya teknologi AI yang dibangunkan oleh tangan-tangan manusia itu sendiri merupakan perkara yang bermanfaat selari dengan *Maqasid al-Syariah*, maka hasilnya juga akan memberi manfaat yang sama. Namun jika sebaliknya, maka mafsadahnya itu pasti bertentangan dengan *Maqasid al-Syariah* dan tidak dapat digunakan kerana prinsipnya yang tidak selari dengan suruhan Allah SWT.

RUJUKAN

- 'Abd. al-Karim Zaidan. (1987). *Al-Wajiz Fi Usul al-Fiqh*, Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Abd Khalil Mohd Khalid. (1991). Institusi Kehakiman Islam. *GADING Majalah Akademik ITM Cawangan Pahang*, 3(4), 75–83. <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/66117/>
- Abdul Aziz Bari. (2004). Kuasa-Kuasa Budi Bicara Teori dan Pemakaiannya dalam Undang-Undang Perlembagaan dan Undang-Undang Pentadbiran. *Jurnal Undang-Undang Dan Masyarakat*, 8, 39–57.
- Adawiah Hosni, Mohd Farhan Md Ariffin, & Hamdi Ishak. (2023). ISU DAN CABARAN CHATGPT TERHADAP PENGAJIAN ISLAM. *AL-TURATH JOURNAL of AL-QURAN and AL-SUNNAH*, 8(1), i–xvii. <https://spaj.ukm.my/jalturath/index.php/jalturath/article/view/277>
- Ahmad Ibrahim, & Ahilemah Joned. (2005). *Sistem undang-undang di Malaysia*. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Akta Undang-undang Sivil 1956 (Akta 67)
- Al-Quran al-Karim
- Aliff Nawi, Mohd Faiz Mohd Yaakob, Zalmizy Hussin, Nadia Diyana Mohd Muhaiyuddin, Mohd Al Adib Samuri, & Ab. Halim Tamuri. (2021). Keperluan Garis Panduan Dan Etika Islam Dalam Penyelidikan Kecerdasan Buatan. *Journal of Fatwa Management and Research*, 26(2), 280–297. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol26no2.414>
- Annotated Statutes of Malaysia. (n.d.). Chapter XXVII Sentences and the Carrying Out of It. In *ASM - Criminal Procedure Code (Act 593) (Revised 1999)* (pp. 1–76). LexisNexis Malaysia. Retrieved November 7, 2023, from <https://advance.lexis.com/api/document?id=urn:contentItem:60C8-JPX1-F1P7-B2BJ-00000-00&idtype=PID&context=1522468>
- Ashgar Ali Ali Mohamed. (2020). Legislation. In Ashgar Ali Ali Mohamed (Ed.), *Malaysian Legal System* (pp. 229–271). The Malaysian Current Law Journal.
- Ashgar Ali Ali Mohamed, & Hanifah Haydar Ali Tajuddin. (2020). The Judiciary and The Bar (Civil). In Ashgar Ali Ali Mohamed (Ed.), *Malaysian Legal System* (pp. 609–658). The Malaysian Current Law Journal.
- Azizah Mat Rashid, Nor 'Adha Abdul Hamid, Mohd Farok bin Mat Nor, & Adilah Mazlan. (2021). Aplikasi Kecerdasan Buatan Dan Keperluan Inovasi Dalam Aspek Perundangan Jenayah Syariah (Application of Artificial Intelligence and the Necessary for Innovations in Islamic Criminal Law). *8th International Research Management and Innovation Conference*, 182–191.
- Azizah Mohd Rapini, & Ruzman Md. Noor. (2018). Prinsip Keadilan dalam Sistem Kehakiman Islam : Tumpuan Khusus terhadap Konsep Syahadah. *Journal of Fatwa Management and Research*, 9(1), 1–37. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol9no1.45>
<https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol9no1.45>
- Azmi & Associates. (2021, January 4). *Overview Of Artificial Intelligence In Malaysia*. The Legal 500; Legalease Ltd. <https://www.legal500.com/developments/thought-leadership/overview-of-artificial-intelligence-in-malaysia/>

- Bianchini, F. (2021). A New Definition of “Artificial” for Two Artificial Sciences. *Foundations of Science*, 28, 401–417. <https://doi.org/10.1007/s10699-021-09799-w>
- Cindy Cendriani Balowa, Setiyo Utoyo, & Apriyanto A.J. Pauweni. (2020). Penilaian Kecerdasan Anak melalui Aspek Perkembangan Kognitif. *JAMBURA Early Education Childhood Journal*, 2(1), 91–98.
- CM Melchionna, L. (2023, June 29). *Bias and Fairness in Artificial Intelligence*. New York State Bar Association. <https://nysba.org/bias-and-fairness-in-artificial-intelligence/>
- Digital News Asia. (2021, January 19). *Shang & Co launches AskAILA, Malaysia’s first AI legal assistant specialising in labour law*. Digital News Asia. <https://www.digitalnewsasia.com/business/shang-co-launches-askaila-malaysias-first-ai-legal-assistant-specialising-labour-law>
- Dr Norsuhaida Che Musa, & Muim Abdullah. (2022, September 4). *30 minit nasihat guaman percuma dalam talian mampu bantu B40*. Astro Awani. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/30-minit-nasihat-guaman-percuma-dalam-talian-mampu-bantu-b40-379363>
- Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri. (2023, May 15). #22: *Masa Depan Islam dan AI*. <https://zulkifliabakri.com/22-masa-depan-islam-dan-ai/>
- Haenlein, M., & Kaplan, A. (2019). A Brief History of Artificial Intelligence: On the Past, Present, and Future of Artificial Intelligence. *California Management Review*, 61(4), 5–14. <https://doi.org/10.1177/0008125619864925>
- Hafizah Abdul Hamid. (2020, January 17). *Mahkamah Sabah dan Sarawak bakal guna aplikasi AI dalam sistem perundangan*. Utusan Borneo. <https://www.utusanborneo.com.my/2020/01/17/mahkamah-sabah-dan-sarawak-bakal-guna-aplikasi-ai-dalam-sistem-perundangan>
- Jalal al-Din Abd al-Rahman Al-Suyuthi. (2021). *Al-Asybah Wa Al-Naza’ir Fi Qawaid Wa Furu’ Al-Syafi’iyyah* (Hafiz 'Asyur Hafiz & Muhammad Muhammad Tamir, Eds.). Dar al-Salam.
- Jalal al-Din Al-Mahalliy. (2021). *Syarh Al-Jalal Al-Mahalliy 'Ala Waraqat Imam Al-Haramain Al-Juwaini* (Lokman bin Yaakub & Hairul Nizam bin Mat Husain, Eds.). Pembangunan Ruwaq Jawi Services.
- Kaplan, A. (2021). Artificial Intelligence (AI): When Humans and Machines Might Have to Coexist. In P. Verdegem (Ed.), *JSTOR* (pp. 21–32). University of Westminster Press. <https://www.jstor.org/stable/j.ctv26qjjhj.4>
- Lim, Claire & Rachel Gong. (2020). Artificial Intelligence in the Courts: AI Sentencing in Sabah and Sarawak. Kuala Lumpur: *Khazanah Research Institute*. License: Creative Commons Attribution CC BY 3.0.
- Mah Kah Yew lwn. Public Prosecutor [1971] 1 MLJ 1
- Majlis Agama Islam Selangor. (n.d.). *K-Guam - MAIS*. MAIS. Retrieved November 12, 2023, from <https://mais.gov.my/k-guam/>
- Mohammad Tahir Sabit Hj Mohammad, Ashgar Ali Ali Mohamad, & O. Omoola, S. (2020). Artificial Intelligence, Technologies and the Future of Law. In Ashgar Ali Ali Mohamad (Ed.), *Malaysian Legal System* (pp. 945–964). The Malaysian Current Law Journal Sdn Bhd.
- Mohd Nazri Ahmad. (2001). Konsep Kehakiman dalam Islam. *Jurnal Usuluddin*, 14, 87–96. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JUD/article/view/4027>
- Muhammad Dahria. (2008). Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence). *Jurnal SAINTIKOM*, 5(2), 185–196.
- Muhammad ibn Ahmad Qurtubi. (1994). *Tafsir al-Qurtubi: Al-Jami’ Li-Ahkam Al-Quran*, Kaherah: Dar al-Hadith.
- Muhammad Shahrul Ifwat bin Ishak. (2018). Considering Maalat as an Approach to Applying Maslahah in Reality. *Islam and Civilisational Renewal*, 9(2), 147–160. <https://doi.org/10.12816/0049461>

- MyGovernment. (n.d.). *Sistem E-Kehakiman Bagi Mahkamah Di Seluruh Negara*. MyGOV - the Government of Malaysia's Official Portal. Retrieved November 28, 2023, from <https://www.malaysia.gov.my/portal/content/31135?language=my>.
- Norchaya Talib. (2006). *Prinsip-prinsip Asas Tort* (pp. 1–250). Sweet & Maxwell Asia.
- Nowotko, P. M. (2021). AI in judicial application of law and the right to a court. *Procedia Computer Science*, 192, 2220–2228. <https://doi.org/10.1016/j.procs.2021.08.235>
- P.P. lwn. Datuk Tan Cheng Swee & Anor [1980] 2 MLJ 276
- Parimala A/P Muthusamy & Ors v Projek Lebuhraya Utara-Selatan [1997] 5 MLJ 488
- Public Prosecutor v. Goh Chooi Guan [1978] 2 MLJ 169
- Rex v Kenneth John Ball [1951] 35 Cr App R 164
- Russell, S., & Norvig, P. (2010). *Artificial Intelligence: A Modern Approach* (3rd ed., pp. 1–1130). Pearson.
- Shabbir, J., & Anwer, T. (2015). Artificial Intelligence and its Role in Near Future. *Journal of Latex Class Files*, 14(8), 1–11. <https://arxiv.org/pdf/1804.01396.pdf>
- Shearn Delamore & Co. (2023, May 30). *Artificial Intelligence 2023 - Malaysia | Global Practice Guides | Chambers and Partners*. Chambers and Partners. <https://practiceguides.chambers.com/practice-guides/artificial-intelligence-2023/malaysia>
- Sourdin, T. (2018). Judge v Robot? Artificial Intelligence and Judicial Decision-Making. *University of New South Wales Law Journal*, 41(4), 1114–1133. <https://doi.org/10.53637/zgux2213>
- Sternberg, R. J. (2012). Intelligence. *Cognitive Systems*, 14(1), 19–27. <https://doi.org/10.31887/dcns.2012.14.1/rsternberg>
- Sukatno v Lee Seng Kee [2009] 3 MLJ 306
- Suzita. (2020, June 10). *Big Data Analytics : Apa ? Kenapa ?* Wadah ICT; Universiti Kebangsaan Malaysia. <https://www.ukm.my/wadahict/big-data-analytics-apa-kenapa>
- Tafsir Surah Al-Ma'idah* - 8. (n.d.). Quran.com. Retrieved November 12, 2023, from <https://quran.com/ms/5:8/tafsirs/en-tafsir-maarif-ul-quran>
- The Positivity Project. (2016). *SOCIAL INTELLIGENCE*. <https://www.wcpss.net/cms/lib/NC01911451/Centricity/Domain/1069/Social%20Intelligence%20Character%20Card.pdf>
- United Plywood & Sawmill Ltd v Lock Ngan Loi [1970] 2 MLJ 237